

Johari nafi halang Dr. Mahathir jadi perwakilan

Um - 6/9/2006

KUALA LUMPUR 5 Sept. - Ketua UMNO Bahagian Kubang Pasu, Datuk Johari Baharum hari ini menafikan beliau telah diarahkan oleh pucuk pimpinan parti untuk memastikan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak dipilih sebagai perwakilan bahagian itu pada pemilihan Sabtu ini.

Beliau berkata, perwakilan bahagian tersebut diberikan sepenuh kebebasan untuk memilih wakil mereka pada Perhimpunan Agung UMNO November ini.

"Saya tidak pernah mengarahkan perwakilan supaya tidak mengundi beliau (Tun). Ia terpulang kepada mereka dan saya sudah jelaskan sebelum ini," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen hari ini.

Johari diminta mengulas kenyataan bekas Perdana Menteri itu yang dilaporkan mendakwa dirinya mengetuai usaha menghalang Dr. Mahathir daripada menjadi perwakilan.

Beliau yang juga Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri turut menolak dakwaan bahawa Setiausaha Agung UMNO, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad telah ditempatkan di bahagian itu untuk mempengaruhi ahli UMNO.

"Radzi tidak pernah datang ke bahagian saya. Kita juga tidak menjemputnya atau mengadakan majlis yang memerlukan kehadiran beliau di Kubang Pasu. Bagaimanapun beliau (Radzi) perlu melalui Kubang Pasu untuk ke kawasanya," jelas beliau.

Ditanya mengapa beliau menjadi sasaran, Johari yang pernah menjadi Setiausaha Politik Dr. Mahathir secara berseloroh menjawab: "Saya adalah ketua bahagian, dia suka sayalah, saya juga telah lama berkhidmat di bawahnya."